

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MEI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

Sistem Pangkalan Data Utama dibangunkan segera

Sistem Pangkalan Data Utama dibangunkan segera

PUTRAJAYA - Kerajaan akan membangunkan segera sistem Pangkalan Data Utama (Padu) yang menggabungkan maklumat sosio-ekonomi bagi setiap isi rumah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Padu yang akan diselenggara oleh Jabatan Perangkaan (DOSM) adalah bagi membantu kerajaan menyasarkan subsidi dan bantuan dengan lebih berkesan.

"Kita tahu ada jabatan lain yang menyelenggara data secara berasingan tetapi kerajaan memberi mandat penuh kepada Padu untuk ambil alih sebagai agensi pusat bagi merumuskan data-data ini," katanya.

Menurutnya, Padu akan menyediakan semua maklumat yang diperlukan kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan maklum dengan isu-isu yang terkait dengan data antaranya masalah kebocoran maklumat peribadi, keselamatan siber dan percanggahan dengan Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 (Bafia).

"Sepertimana dirumuskan ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ia tidak harus dijadikan kekangan kerana data ini akan membantu," jelasnya.